

27 APR 1998

DANA AMANAH WANITA PERUNTUK PINJAMAN PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Dana amanah wanita atau Amanah Saham Wanita (ASNITA), yang dibuka penyertaannya kepada semua rakyat Malaysia, turut menyediakan pinjaman perniagaan kepada wanita, demikian diumumkan hari ini.

Faedah lain termasuklah perlindungan insurans serta biasiswa kepada anak-anak, kata Ketua Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, di sini hari ini.

Beliau berkata butir-butir terperinci mengenai dana amanah 400 juta unit pada 50 sen seunit akan diumumkan pada hari pelancarannya pada 5 Mei ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perlantikan Aseambankers Malaysia Bhd sebagai penasihatnya, MNI Takaful Sdn Bhd sebagai penyedia insurans, Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd sebagai pengurus dana dan Xylog Computer Sdn Bhd sebagai penyedia sistem.

Dana itu yang menerima kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti pada 23 April lalu, akan diuruskan oleh Hijrah Unit Trust Management Bhd, anak syarikat milik Metrowangsa sebanyak 51 peratus.

Dana itu akan dilaburkan di dalam portfolio pelbagai ekuiti yang selaras dengan kehendak Syari'ah dan sekuriti berkaitan ekuiti yang membabitkan bon, bon dan waran boleh tukar, instrumen wang jangka pendek serta di dalam sekuriti tidak disenarai (sehingga 10 peratus daripada nilai aset bersih).

Sebelum menubuhkan ASNITA, Wanita UMNO telah memulakan Tabung Ehsan Wanita yang telah memungut dana lebih RM300,000 dan menghasilkan pulangan sebanyak 13 peratus kepada pelabur.

Berikutan penubuhan ASNITA, Dr Siti Zaharah berkata Tabung Ehsan akan dibubarkan dan pelabur-pelabur boleh sama ada melabur semula dana mereka ke dalam unit amanah baru itu atau mengambil balik dana mereka dengan semua faedah.

Pelaburan minimum bagi ASNITA adalah RM100 yang mengandungi 200 unit dan Bank Simpanan Nasional telah dilantik sebagai agensi pungutan bagi seluruh negara.

Sementara itu, pengerusi eksekutif Hijrah, Puan Rohani Datuk Mohd Shahir, berkata dana unit amanah itu dilancarkan di tengah-tengah kegawatan ekonomi ketika ini untuk mengenenpikan segala sentimen menurun dan sebagai dorongan bagi wanita untuk membawa kembali keyakinan pelabur kepada negara.

-- BERNAMA

SHO ZK OS